PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009

ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) KEDAH

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **60** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf* **A, B, C** *dan* **D**. *Bagi tiap-tiap soalan pilih* **satu** *jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan* **hitamkan** *pilihan anda yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi **26** halaman bercetak

KAEDAH KAJIAN	CARA MENDAPATKAN MAKLUMAT
X	Ucapan, penceritaan dan perbualan.
Y	Catatan pada dinding gua, kulit kayu, daun dan kertas.
Z	Gali cari , maritim dan angkasa lepas.

1 Kaedah kajian Z ialah

A Lisan
B Bertulis
C Saintifik
D Arkeologi

2 Mengapakah Zaman Neolitik dikatakan bermulanya perkembangan teknologi?

I Manusia pandai mencipta peralatan tembikar
II Manusia mencipta peralatan perang
III Manusia pandai bercucuk tanam
IV Manusia mencipta barang kemas

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Parameswara telah berjaya membangunkan Kesultanan Melayu Melaka.

3 Bagaimanakah Parameswara membangunkan Kesultanan Melayu Melaka?

I Kedudukan yang strategik
II Kemudahan pelabuhan
III Hubungan diplomatik
IV Bantuan orang laut

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV



4 Antara kerajaan maritim yang terkenal di Tanah Melayu ialah Kerajaan Kedah Tua. Di manakah letaknya kerajaan Kedah Tua?

A P
B Q
C R
D S

5 Melaka telah menjalankan hubungan serantau dengan Jawa, Pasai, Siak dan Kampar. Apakah nilai yang diperoleh daripada hubungan tersebut?

I Baik hati
II Berhemah tinggi
III Tolong menolong
IV Hormat menghormati

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* dalam urusan perdagangan di Melaka pada abad ke-15.

6 Mengapakah Bahasa Melayu menjadi *lingua franca*?

A Bahasa Melayu bahasa antarabangsa
B Ramai pedagang berbangsa Melayu
C Pusat pengajian Bahasa Melayu
D Mudah difahami

Masalah perpecahan penduduk merupakan faktor kemerosotan dan kejatuhan Melaka.

7 Mengapakah berlakunya perpecahan penduduk di Melaka?

I Adu domba
II Pilih kasih
III Iri hati
IV Fitnah

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

SLOGAN PORTUGIS KE TIMUR

"GOSPEL, GOLD AND GLORY"

8 Apakah aktiviti yang berkaitan dengan *"gospel"*?

A Tanah jajahan
B Perniagaan rempah
C Penemuan jalan laut
D Penyebaran agama Kristian



9 Rajah di atas menunjukkan Perang Tiga Segi.
Nyatakan kuasa-kuasa yang terlibat dalam perang tersebut?

A Belanda, Portugis, Johor
B Portugis, Acheh, Belanda
C Acheh, Johor, Portugis
D Riau, Johor, Acheh

10 Berdasarkan peta di atas, bagaimanakah jajahan takluk membantu kerajaan Johor mencapai kegemilangan?

A Mengumpul pelbagai hasil
B Penduduk yang ramai
C Bantuan ketenteraan
D Perdagangan luas

11 Antara berikut yang manakah dikaitkan dengan asal-usul nama Terengganu?

I Tong Ta Nong
II Teng Ya Nung
III Ting Ga Nung
IV Taring Anu

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

12 Kelantan dan Terengganu pernah menghantar bunga emas kepada Siam. Apakah tujuan Kelantan dan Terangganu menghantar bunga emas tersebut?

A Perjanjian
B Penjajahan
C Perdagangan
D Persahabatan



13 Apakah fungsi cap mohor di atas?

A Alat kebesaran kerajaan
B Surat kuasa pembesar
C Pengesahan arahan
D Cap nama sultan

Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Sabah bergantung pada bentuk muka bumi di persekitaran tempat tinggal mereka.

14 Apakah kegiatan ekonomi kaum Suluk?

A Memungut hasil hutan
B Memungut hasil laut
C Menternak binatang
D Bercucuk tanam

Tahun 1786	Sultan Abdullah menyerahkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).

15 Mengapakah Sultan Abdullah bertindak demikian?

A Mendapat restu Siam
B Mengukuhkan kedudukan
C Menjaga kedaulatan negeri
D Mengelakkan ancaman British

Tarian Ngajat

16 Apakah tujuan tarian di atas?

A Melahirkan tanda kesyukuran
B Merayakan kemenangan
C Meraikan kejayaan
D Memuja roh

Pada tahun 1867, pentadbiran Negeri-Negeri Selat telah dipindahkan dari India ke London.

17 Apakah faktor yang menyebabkan pemindahan tersebut?

I Menjimatkan perbelanjaan
II Menyeragamkan pentadbiran
III Memperkenalkan Akta Mata Wang
IV Menghapuskan pelabuhan bebas Singapura

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Perjanjian Inggeris – Belanda 1824
• Belanda berjanji tidak akan membuka petempatan baru di Tanah Melayu. • British berjanji tidak akan membuka petempatan baru ke selatan Singapura.

18 Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

A Perpecahan Kepulauan Melayu
B Penubuhan Negeri-Negeri Selat
C Perebutan kuasa pembesar tamat
D Penguatkuasaan Undang-undang Barat

Sultan Ahmad berusaha menjaga kedaulatan Pahang dengan menyekat pengaruh British.

19 Apakah usaha Sultan Ahmad untuk menyekat pengaruh British?

A Membawa masuk pelabur
B Mempelbagaikan cukai baru
C Melaksanakan pentadbiran British
D Memperkenalkan pendidikan Barat

Pada tahun 1896, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibentuk.

20 Apakah tujuan British menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu?

I Memulihkan kuasa Residen
II Mengukuhkan keselamatan
III Berkongsi perkhidmatan pakar
IV Memajukan sistem perhubungan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV



21 Mengapakah Raja Abdullah tidak dilantik sebagai Sultan Perak pada tahun 1871?

A Tidak hadir ketika pemakaman
B Bukan Anak Gahara
C Pembesar tidak suka
D Baginda diugut

Tahun	Peristiwa
1840	Menamatkan penentangan di Sarawak.
1841	Menjadi Gabenor Sarawak.
1846	Diiktiraf sebagai Raja Sarawak yang merdeka.

22 Apakah kesan daripada peristiwa di atas kepada Sarawak?

A Penghapusan cukai
B Pemerintahan Brunei tamat
C Penubuhan Majlis Undangan
D Pemansuhan kuasa pembesar

Peristiwa	Maklumat
Perjanjian Bangkok 1909	Negeri-Negeri Melayu Utara diserahkan kepada British.

23 Apakah kesan peristiwa di atas ?

I Tabal menjadi hak Siam
II British membayar ganti rugi
III Sungai Golok sempadan antarabangsa
IV Reman menjadi wilayah Kelantan dan Perak

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Tarikh	Pentadbir Wilayah Sarawak
Kurun ke-18	Pembesar tempatan dilantik oleh Sultan Brunei untuk mentadbir Sarawak.
Kurun ke-19	Pembesar Brunei mentadbir Sarawak.

24 Mengapakah berlaku perubahan kepimpinan di Sarawak?

I Memajukan negeri
II Menguasai kekayaan
III Mengukuhkan kekuasaan
IV Mengekalkan kemerdekaan

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Kaum	Bidang Pekerjaan Semasa Pemerintahan Brooke di Sarawak
Melayu	Pentadbiran
Cina	Perdagangan Pertanian Perlombongan
Iban	Ketenteraan

25 Mengapakah keluarga Brooke bertindak demikian?

I Menghalang perpaduan
II Mengukuhkan kedudukan
III Menghapuskan pemberontakan
IV Melaksanakan amalan demokrasi

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Mahkamah di Sabah semasa Syarikat Borneo Utara British	Bidang Kuasa
Mahkamah Majistret	• Kes pembunuhan • Kes penculikan • Kes rompakan
Mahkamah Anak Negeri	• X

26 Apakah X?

A Hukum adat
B Jenayah
C Jual beli
D Juvana

27 Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah Syarikat Overbeck dan Dent menguasai Sabah pada tahun 1877 dan 1878?

A Konsesi
B Tekanan
C Perjanjian
D Pembelian

Perkembangan landasan kereta api
di Tanah Melayu 1910-1931

28 Apakah matlamat British memajukan sistem perhubungan di atas?

A Menaikkan imej
B Memudahkan eksport
C Meningkatkan kemajuan
D Memudahkan pergerakan

Kegiatan Ekonomi Semasa Pemerintahan British



29 Apakah kesan kegiatan ekonomi di atas?

A Berlaku jurang ekonomi
B Agihan sumber ekonomi menyeluruh
C Kelembapan perkembangan ekonomi
D Penguasaan ekonomi penduduk tempatan

30 Dialog di atas berlaku di Sabah semasa pemerintahan SBUB.
Apakah jawatan yang dikhaskan untuk lulusan sekolah tersebut?

I Renjer
II Kerani
III Residen
IV Pegawai Daerah

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Keluasan Ladang Getah (ekar)	
1901	5,965
1908	240,000
1912	642,000

31 Apakah usaha British menggalakkan pembukaan ladang getah baru?

I Mempelbagaikan penggunaan getah
II Memodenkan kaedah torehan
III Mengurangkan cukai tanah
IV Menurunkan cukai eksport

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

32 Ilustrasi di atas ialah Dato' Bahaman pahlawan Pahang. Mengapakah beliau menentang British?

A Mencabuli adat resam
B Perkampungan dibakar
C Peraturan yang membebankan
D Membantah perlucutan gelaran



33 Apakah tujuan persatuan di atas dibentuk?

I Mengukuhkan kedudukan ekonomi
II Mencetuskan perjuangan radikal
III Memperjuangkan kemerdekaan
IV Meningkatkan taraf sosial

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Rentap

Syarif Masahor

34 Gambar di atas merupakan tokoh pejuang tempatan yang menentang James Brooke di Sarawak.
Apakah persamaan perjuangan tokoh di atas?

A Mempertahankan adat
B Menentang kekejaman
C Membantah sistem cukai
D Membela nasib kaum Iban

- Ishak Haji Muhammad
- Abdul Samad Ahmad

35 Apakah peranan tokoh nasionalis di atas?

A Mengasaskan fahaman radikal
B Memimpin penentangan bersenjata
C Membangkitkan kesedaran kebangsaan
D Menggerakkan gerakan pemulihan agama



36 Apakah pasukan yang dimaksudkan dalam dialog di atas?

A Bintang Tiga
B FORCE 136
C Kempeitai
D MPAJA

Produk Semasa Pendudukan Jepun

Bahan	Hasil
Nira Kelapa	Gula
Benang Nanas	Kain
Buluh	Kertas

37 Berdasarkan jadual di atas, apakah nilai yang dapat diambil daripada masyarakat pada zaman tersebut ?

A Rajin
B Berani
C Kreatif
D Berdaya saing

- Gerila Kinabalu
- Askar Melayu Setia

38 Apakah persamaan pertubuhan di atas?

A Menggulingkan kerajaan British
B Menentang penjajahan Jepun
C Menyebarkan fahaman komunis
D Menyatupadukan penduduk Sabah

39 Bagaimanakah orang Melayu menunjukkan penentangan mereka terhadap Malayan Union?

I Rusuhan
II Berkabung
III Tunjuk perasaan
IV Memulaukan upacara pelantikan Gabenor

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

BIODATA

Nama	:	Michaell Lee
Tarikh lahir	:	1 Februari 1948
Tempat lahir	:	Melaka

40 Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, adakah Michaell Lee layak mendapat taraf kerakyatan?

A Layak kerana Rakyat Raja
B Layak kerana Rakyat British
C Tidak layak kerana lahir di Melaka
D Tidak layak kerana belum berumur 12 tahun

41 Karikatur di atas merupakan dialog dalam kalangan penduduk Tanah Melayu pada tahun 1946.
Mengapakah British berbuat demikian?

I Melicinkan pentadbiran British
II Menyekat kuasa politik Melayu
III Memastikan sumbangan golongan imigran
IV Memenuhi kehendak penduduk Tanah Melayu

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Persatuan-persatuan Melayu yang menyokong Malayan Union.	→	• PKMM • API • AWAS • BATAS

42 Apakah alasan yang diberikan oleh persatuan di atas untuk menyokong Malayan Union?

I Kerakyatan terbuka
II Kemerdekaan lebih cepat
III Penyatuan pentadbiran agama Islam
IV Kuasa Raja-raja Melayu diperkukuhkan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Ganjaran kepada anggota Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) semasa pemerintahan Pentadbiran Tentera British.

- $ 350.00
- 1 beg beras

43 Bagaimanakah tentera MPAJA boleh mendapat ganjaran di atas?

A Membubarkan parti
B Mengawal kampung
C Memulangkan senjata
D Menyertai pasukan keselamatan

Setiap penduduk berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan dan diberi kad pengenalan.

44 Pernyataan di atas dikaitkan dengan sistem pendaftaran kebangsaan pada tahun 1950-an. Mengapakah tindakan tersebut diambil?

A Melancarkan perang saraf
B Membasmi ancaman komunis
C Memudahkan bancian penduduk
D Mengenal pasti golongan imigran



45 Berdasarkan gambar di atas, kaum wanita juga turut berjuang membantu kaum lelaki memerangi keganasan komunis semasa darurat 1948-1960.
Bagaimanakah kaum wanita memainkan peranan mereka?

A Menyertai *Home Guard*
B Membuka kampung baru
C Menyertai pasukan askar Melayu
D Menyertai Mata-mata Khas Melayu

Sejak tahun 1949, pihak British telah berusaha untuk mewujudkan perpaduan antara kaum di Tanah Melayu.

46 Apakah usaha awal yang dilaksanakan oleh kerajaan British?

A Jawatankuasa antara Kerajaan
B Jawatankuasa Hubungan antara Kaum
C Jawatankuasa Perpaduan antara Kaum
D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia



47 Ilustrasi di atas merupakan sebahagian daripada tragedi keganasan Bintang Tiga. Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut?

I Amanah asas kestabilan negara
II Toleransi mengukuhkan perpaduan
III Bersatu padu teras keamanan negara
IV Saling membantu mempertahankan negara

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

SISTEM AHLI	
Dato' Onn Ja'afar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri
Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
Dato' E.E.C. Thuraisingam	Ahli Pelajaran

48 Apakah tujuan Sistem Ahli?

A Melatih penduduk Tanah Melayu dalam pentadbiran
B Memberi kemerdekaan kepada penduduk tempatan
C Membentuk kerajaan tanpa pilihan raya
D Kerjasama kaum dalam satu parti

Tarikh	Peristiwa
Februari 1954	Konferensi Nasional
Ogos 1954	Konvensi Nasional

49 Apakah persamaan antara kedua-dua persidangan tersebut ?

A Menggubal perlembagaan
B Mewujudkan kerjasama politik
C Memperjuangkan kemerdekaan
D Menetapkan manifesto parti politik

- Sir Ivor Jenning
- Sir William Mckell
- Tuan B. Malik
- Tuan Abdul Hamid

50 Apakah sumbangan tokoh di atas terhadap kemerdekaan Tanah Melayu ?

A Menggubal perlembagaan
B Menyertai Rombongan Merdeka
C Menguruskan pilihan raya umum
D Menghapuskan ancaman komunis

51 Berdasarkan gambar di atas, di manakah Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu apabila kembali dari London ?

A Padang Stadium Kubu, Melaka
B Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
C Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka
D Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur

- Kerakyatan secara jus soli
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan

52 Kedua-dua perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Merdeka dapat membuktikan

I Permuafakatan
II Semangat tolak ansur
III Semangat kebangsaan
IV Perjuangan Parti Perikatan

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Pada tahun 1946, Charles Vyner Brooke telah membuat keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

53 Maklumat di atas mengenai penyerahan Sarawak kepada British. Apakah faktor yang mendorong beliau berbuat demikian ?

I Masalah kewangan
II Pertikaian keluarga
III Permintaan rakyat
IV Desakan British

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Tahun	Peristiwa
1946	Sabah menjadi tanah jajahan British.

54 Mengapakah kerajaan British berbuat demikian?

A Menyeragamkan sistem pentadbiran
B Membendung ancaman komunis
C Menjaga kepentingan ekonomi
D Memenuhi permintaan rakyat

Tokoh X	:	Pak cik mesti menjadi ahli dalam kumpulan kami. Kalau tidak anak pak cik tidak dapat belajar di sekolah kerajaan.
Pak Cik Din	:	Saya tidak mahu. Saya tetap dengan pendirian sendiri.

55 Dialog di atas tentang gerakan antipenyerahan Sarawak kepada British.
Tokoh X merupakan ahli

A Barisan Pemuda Melayu Sibu
B Young Malay Association
C Barisan Pemuda Melayu
D Rukun Tiga Belas

Sejak tahun 1950, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan British untuk melatih penduduk tempatan ke arah berkerajaan sendiri di Sabah.

56 Apakah langkah yang telah diambil?

I Menubuhkan Parti Perikatan Sabah
II Mengadakan Pilihan Raya Majlis Undangan 1962
III Mengadakan Pilihan Raya Majlis Tempatan 1952
IV Melantik pemimpin bumiputera dalam Majlis Undangan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

- Membuat bantahan rasmi kepada PBB
- Menyusun Pasukan Pertahanan Tempatan
- Meminta bantuan ketenteraan daripada negara Komanwel

57 Mengapakah Malaysia mengambil tindakan di atas?

A Membanteras pemberontakan Brunei
B Menghadapi konfrantasi Indonesia
C Menamatkan ancaman Filipina
D Mempercepat kemerdekaan

- Kerajaan Britain
- Kerajaan Amerika Syarikat

58 Mengapakah kedua-dua kuasa besar di atas menyokong gagasan Persekutuan Malaysia?

I Meningkatkan taraf hidup
II Menyekat pengaruh komunis
III Mempercepat proses kemerdekaan
IV Memperkukuh kedudukan di Asia Tenggara

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

- Suruhanjaya Cobbold 1962
- Suruhanjaya PBB 1963

59 Apakah kepentingan laporan suruhanjaya di atas?

I Penduduk Sarawak menyokong gagasan Malaysia
II Penduduk Sabah menyokong gagasan Malaysia
III Wujudnya kerjasama antara kerajaan terlibat
IV Gagasan Malaysia bukan neokolonialisme

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

60 Gambar menunjukkan Lee Kuan Yew mencanangkan konsep ***Malaysian Malaysia*** dalam satu perhimpunan di Singapura.
Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman menghadapi situasi di atas?

A Mengadakan pilihan raya
B Mengisytiharkan darurat
C Memisahkan Singapura
D Menghapuskan jus soli

KERTAS SOALAN TAMAT